

Headline **Getir Asmar berbaloi**  
Date **09 Mar 2011**  
MediaTitle **Harian Metro**  
Section **Rap**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**  
Page No **r10,11**  
Article Size **895 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **25,736**  
PRValue **77,208**



# Getir Asmar berbaloi

*Graduan Aswara menang anugerah utama Filem/Video Terbaik Keseluruhan di FFVPM 8*

>>Oleh Rudy Imran Shamsudin  
imran@hmetro.com.my

**M**ENGANGKAT kisah cinta yang diletakkan pada masa dan tempat yang salah dalam filem pendek Getir, membawa tuah kepada Asmar Hassan, 54, graduan Akademi Seni Budaya Warisan Kebangsaan (Aswara), untuk memenangi anugerah utama Filem/Video Terbaik Keseluruhan di Festival Filem dan Video Pelajar Malaysia Kelapan (FFVPM 8).

Majlis berlangsung di Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah baru-baru ini, turut menyaksikan sebahagian besar pelajar Aswara, menang anugerah Filem/Video Pendek Terbaik, Sinematografi Terbaik dan Penataan Seni Terbaik.

Asmar mengakui benar-benar tidak menyangka bahawa karya yang dihasilkan untuk projek akhir pengajiannya memberikan pulangan lumayan. Tambahan pula sebelum itu banyak halangan dan dugaan terpaksa dilalui sewaktu menghasilkan Getir.

"Pada peringkat awal, kami merancang untuk menghasilkan filem. Semua rakan-rakan yang turut sama mengikuti pengajian filem di Aswara merancang untuk menghasilkan filem yang mana menampilkan himpunan filem pendek.

"Namun, kekangan kewangan menghalang ia diteruskan. Kami menggunakan filem dan bukan video untuk menghasilkan karya

ini. Untuk itu, kami memerlukan sekurang-kurangnya RM600,000," katanya.

Bercerita lebih lanjut mengenai kemenangannya itu, jelas

Asmar dia yakin faktor menggabungkan elemen komersil dan artistik membuat kap Getir berjaya menarik perhatian juri.

"Saya mahu kongsi kemenangan ini bersama teman-teman lain yang turut membantu menjayakan penghasilan filem pendek ini. Mereka turut

bertungkus-lumus menjayakan Getir.

"Secara jujur, ingin saya jelaskan bagaimana tajuknya begitu jugalah getirnya saya untuk menyudahkan projek akhir ini. Bagaimanapun kepayaan dilalui sudah-puuri berbaloi," katanya.

Menyorot latarnya sebagai pengarah, jelas Asmar sebelum menghasilkan Getir, dia yang bekerja tetap di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), di Kepong pernah menghasilkan dua dokumentari iaitu Matangnya Matang dan Randai.

"Pada awalnya saya melanjutkan pengajian dalam bidang perfileman bagi membolehkan saya menghasilkan dokumentari untuk FRIM, namun kerana minat juga telah membawa saya pergi jauh dalam bidang ini.

"Malah dengan kejayaan Getir ada penerbit sudah menghubungi saya untuk menjadikan ia sebagai sebuah filem cereka," katanya yang malam itu turut menerima hadiah wang tunai berjumlah RM1,500 bagi anugerah utama dan RM1,000 bagi kategori Filem/Video Pendek. Malam festival itu turut

Headline	<b>Getir Asmar berbaloi</b>	Language	<b>Malay</b>
Date	<b>09 Mar 2011</b>	Page No	<b>r10,11</b>
MediaTitle	<b>Harian Metro</b>	Article Size	<b>895 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Rap</b>	Color	<b>Full Color</b>
Journalist	<b>N/A</b>	ADValue	<b>25,736</b>
Frequency	<b>Daily</b>	PRValue	<b>77,208</b>
Circ / Read	<b>324,097 / 1,981,000</b>		

mengangkat bakat anak muda dalam bidang pengarahan apabila anugerah Pengarah Harapan diberikan kepada pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) cawangan Puncak Perdana, Ahmad Muzzamil Abd Rahman yang menghasilkan filem pendek Rona Maya.

Menjadikan beberapa pengarah berbakat dari Asia termasuk Wong Kar Wai sebagai sumber inspirasi, Rona Maya dihasilkan Ahmad Muzzamil dengan wang sakunya sendiri sebanyak RM2,900.

"Filem ini saya hasilkan untuk projek pengajian. Idea untuk menghasilkan skripnya saya peroleh sewaktu mengikuti kelas penulisan skrip bagi pengajian Diploma Teknologi Kreatif dan Artistik di UiTM. Saya memang gemar menulis dan turut meminati hasil penulisan Allahyarham Loloq. Saya bercita-cita menjadi sepertiinya."

"Selain itu untuk menjadi pengarah filem pula timbul selepas menyaksikan

beberapa pengarya yang saya minati turut memulakan kerjaya pengarahan dalam usia muda. Mereka menjadi pembakar semangat untuk saya mengikut jejak langkah dan berjaya seperti mereka," katanya yang menerima hadiah berupa piala, sijil dan wang tunai RM500.

Untuk festival kali ini, sebanyak 166 pencalonan karya diterima merangkumi enam kategori utama yang pertandingan dari 30 institut pengajaran tinggi awam dan swasta.

Sebagai pengajur, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (Finas) dan Universiti Utara Malaysia menganggap ia sebagai satu kejayaan kerana peningkatan jumlah penyertaan.

Bagi menjayakan festival ini, Finas memperuntukkan RM100,000 dan ia sebahagian daripada komitmen kerajaan dalam usaha memperkasakan industri perfileman negara dengan mengenal pasti bakat-bakat muda yang mampu menjadi pelapis kepada penggiat

sedia ada sekarang ini.

Sementara itu, Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Senator Datuk Maglin Dennis D'Cruz dalam sidang akbar menjelaskan, kementerian juga bercadang untuk mengengrahkan bakat muda yang ada dalam bidang seni termasuk perfileman untuk pergi lebih jauh sekali gus menjadi penggiat aktif dalam industri dan menghasilkan karya lebih bermutu dan segar.

Katanya, penganjuran FFVPM 8 juga semakin matang jika dibandingkan dengan tahun sebelum ini, apakah lagi sebagai tuan rumah, UUM melaksanakan penganjuran festival dengan baik dan menarik.

"Cadangan untuk menyiaran festival ini secara langsung di siaran Radio Televisyen Malaysia juga akan dipertimbangkan. Bagi kementerian apa yang lebih penting adalah karya dihasilkan dan bakat para pelajar terbabit dapat diketengahkan," katanya.

Melihat daripada mutu karya

yang baik dan hebat diketengahkan pelajar yang bertanding ternyata ia tidak berbaloi jika hendak dibandingkan dengan hadiah diterima. Apakah lagi sebelum ini kebanyakan pertandingan atau festival filem pendek menyediakan hadiah yang tinggi bagi membolehkan ia dijadikan dana bagi penggiat muda ini meneruskan minat menghasilkan lebih banyak filem sama ada pendek, dokumentari maupun cereka.

Menyentuh mengenai perkara terbabit di majlis sidang akbar sama pihak Finas menyatakan akan mempertimbangkan cadangan itu dan kemungkinan besar boleh dilaksanakan pada penganjuran tahun hadapan.

Bertemakan Cendekia Sinema ke Persada Dunia, festival tahun ini turut dimeriahkan lagi dengan kehadiran pelakon popular yang diberi penghormatan menjadi penyampai anugerah antaranya Iqram Dinzly, Shaarnaz Ahmad, Ady Putra, juara Akademi Fantasia musim lalu, Shahir dan pelakon Ratu The Movie.



**KENANGAN...**barisan pemenang pada malam FFVPM 8 bergambar bersama tetamu kehormat.

Headline	<b>Getir Asmar berbaloi</b>	Language	<b>Malay</b>
Date	<b>09 Mar 2011</b>	Page No	<b>r10,11</b>
MediaTitle	<b>Harian Metro</b>	Article Size	<b>895 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Rap</b>	Color	<b>Full Color</b>
Journalist	<b>N/A</b>	ADValue	<b>25,736</b>
Frequency	<b>Daily</b>	PRValue	<b>77,208</b>
Circ / Read	<b>324,097 / 1,981,000</b>		



**SHAHIR...**turut menghiburkan tetamu dengan lagu popularnya.

Headline	<b>Getir Asmar berbaloi</b>	Language	<b>Malay</b>
Date	<b>09 Mar 2011</b>	Page No	<b>r10,11</b>
MediaTitle	<b>Harian Metro</b>	Article Size	<b>895 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Rap</b>	Color	<b>Full Color</b>
Journalist	<b>N/A</b>	ADValue	<b>25,736</b>
Frequency	<b>Daily</b>	PRValue	<b>77,208</b>
Circ / Read	<b>324,097 / 1,981,000</b>		

## **SENARAI PENUH PEMENANG FFVPM 8:**

**Filem/Video Terbaik**

**Keseluruhan:**

Getir (Aswara)

**Filem/Video Pendek**

**Terbaik:**

Getir (Aswara)

**Pengaruh Harapan:**

Ahmad Muzzamil Abd

Rahman/Rona Maya (UiTM cawangan Puncak Perdana)

**Filem/Video Animasi**

**Terbaik:**

Mimo Mami: The Stupid

Chase (Universiti Utara Malaysia - UUM)

**Filem/Video Pengumuman**

**Khidmat Awam Terbaik:**

Plan Your Love (Universiti Putra Malaysia - UPM)

**Filem/Video Iklan Terbaik:**

CNY - Family (Universiti Sains Malaysia - USM)

**Filem/Video Dokumentari**

**Terbaik:**

Melatah The Documentary (UiTM cawangan Melaka)

**Video Klip Terbaik:**

Want To Be A Dentist (AIMST University)

**Grafik Terbaik:**

I Want To Be A Dentist (AIMST University)

**Muzik Terbaik:**

Irony (Segi College)

**Kostum Terbaik:**

Jika Aku Seorang Robot (UiTM cawangan Melaka)

**Sinematografi Terbaik:**

Getir (Aswara)

**Skrip Terbaik:**

Norhanizah Mahadi - Jam Barn (Institut Media Integratif Malaysia - MIIM)

**Penataan Bunyi Terbaik:**

Getir (Aswara)

**Penataan Seni Terbaik:**

Fairuz - Rona Maya (UiTM cawangan Puncak Perdana)

**Penyunting Terbaik:**

Muhammad Lutfi Suliansyah - Turning Point (Institut Media Integratif Malaysia - MIIM)

**Anugerah Khas Juri:**

1. Filem/Video Pendek "Tanha" dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

2. Filem/Video Pesanan Khidmat Awam - "Harmoni Street" dari Universiti Putra Malaysia (UPM)

3. Filem/Video Pesanan Khidmat Awam "Harta" dari Universiti Malaysia Pahang (UMP)